

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HIS 202 - Fiqh Al-Mu'amalat : Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM(6) soalan dalam TIGA(3) muka surat.

Jawab TIGA(3) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Sebutkan takrif hak menurut ulama bahasa dan ulama fikah yang terdahulu (mutaqaddimin). Jawapan anda perlu disertakan contoh-contoh bagi membuktikan kefahaman, berhubung dengan takrif-takrif yang disebut itu.

(b) Para sarjana undang-undang Islam yang mutakhir mendefinisikan hak, antara lain:

i. Al-Ustaz al-Syeikh Ali al-Khafif:  
"Maslahat yang munasabah di sisi syara'"

ii. Al-Ustaz Musstaffa al-Zarqa':  
"Perkara-perkara khusus yang diperakukan oleh syara', sama ada melalui kuasa ( السلطة ) atau kewajiban ( التكليف ).

Contoh-contoh di bawah ada kaitan dengan takrif-takrif seperti yang disebutkan itu. Huraikan?

i. Penggunaan lampu isyarat di jalan raya.

ii. Pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan melalui bangunan sekolah; menggunakan perkhidmatan guru lelaki mengajar pelajar-pelajar wanita dan sebaliknya.

iii. Nafkah dan perlindungan ke atas anak kecil.

iv. Penunaian hutang.

v. Peningkatan hasil pengeluaran dan mutu kerja oleh pekerja-pekerja.

(c) Sebutkan prinsip-prinsip Islam berhubung dengan hak.

2. (a) Sebutkan rukun-rukun hak (asasi dan tambahan) berserta huraian sekali.
- (b) Nyatakan tuan Hak bagi setiap contoh di bawah:
- i. Perintah mengeluarkan zakat, mengerjakan kebaikan dan penjagaan ke atas hak-hak untuk kemudahan dan kesejahteraan awam.
  - ii. Hutang piutang, gadaian dan sewa menyewa.
  - iii. Keuntungan dan pusingan modal, kerugian oleh sesebuah syarikat, atau maju mundur sesebuah sekolah, atau baik buruk sesebuah keluarga.
- (c) i. Bilakah manusia mula menerima haknya? Dan bila pula berakhir hak mereka?
- ii. Aminah tinggal bersama anak sulungnya bernama Ahmad. Ia bersedih kerana suaminya baru meninggal dunia. Kini ia sendiri pula terjatuh dan kandungannya yang kedua itu tergugur dalam keadaan ia telah meninggal dunia. Sebutkan bilangan ahli waris yang berhak menerima harta pusaka peninggalan suami Aminah itu. (Jawapan anda dilihat menurut pandangan dan pendapat mazhab Imam Abu Hanifah dan mazhab-mazhab lain).
3. (a) Nyatakan hak-hak individu yang tidak boleh digugurkan berserta contoh-contoh dan huraian.
- (b) Apakah yang dimaksudkan hak seseorang yang berbentuk peribadi ( الحق الشخصي ) dan nyatakan pembahagiannya berserta contoh-contoh dan huraian.
- (c) Beri perbezaan dan keistimewaan antara hak seseorang yang berbentuk peribadi ( الحق الشخصي ) dan hak milikan pada zat benda ( الحق العيني ). Jelaskan jawapan anda melalui contoh-contoh dan huraian.
4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Hak Diyani dan Hak Qada'i?
- (b) Bagaimana Hak Diyani boleh diketahui? Jelaskan jawapan anda dengan contoh dan huraian.
- (c) Bolehkah seseorang individu beramal melalui Hak Diyani jika hakim memutuskan hukuman bagi masalah dirinya dengan keputusan menurut Hak Qada'i? Bagaimana pula dengan mufti, berhakkah ia memberi fatwa yang dibina atas perakuan individu yang berkenaan mengenai masalah dirinya sendiri?

5. Penyelewengan dalam menggunakan Hak ( الحقوق ) ditegah di dalam Islam, sekalipun penyelewengan itu bertujuan untuk sesuatu kebaikan.
- (a) Sebutkan dalil-dalil syara' yang mengharamkan penyelewengan.
  - (b) Nyatakan kaedah-kaedah yang diutarakan di dalam Islam bagi mengatasi atau mengelak penyelewengan dalam menggunakan hak?
6. (a) Beri definisi harta menurut ulama Bahasa?
- (b) Sebutkan takrif harta menurut istilah ulama Fekah (jelaskan pendapat ulama mazhab Abu Hanifah dan ulama Jumhur).
- (c) Harta yang boleh diguna dan boleh dipertindak-tandukkan, istilah muamalat Islam menamakannya 'Harta Mutaqawim'.
- i. Sebutkan tiga(3) contoh harta mutaqawim bagi orang-orang Islam dan tiga(3) contoh lagi harta yang bukan mutaqawim bagi orang-orang Islam.
  - ii. Bolehkah orang-orang Islam menggunakan harta yang bukan mutaqawim? Jelaskan jawapan anda dengan huraian yang lengkap.